

UNTUK SIARAN SEGERA



RAC DAN MARIC METERAI MOU PERKUKUH PEMBANGUNAN INDUSTRI REL NEGARA

SEPANG, 11 November 2025 – Bagi memperkukuh pembangunan ekosistem industri rel tempatan melalui kolaborasi strategik dalam bidang penyelidikan, pembangunan sistem rel serta peningkatan keupayaan modal insan, Perbadanan Aset Keretapi (RAC) hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Pertubuhan Industri Rel Malaysia (Malaysia Rail Industry Corporation – MARIC).

Majlis menandatangani MoU ini telah disaksikan oleh YB Datuk Haji Hasbi Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan, YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah RAC, YBrs. Dr. Nor Fuad bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, Kementerian Pengangkutan serta YBhg. Datuk Mohamed Razeek Md Hussain Maricar, Ahli Majlis MARIC. RAC diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, YBhg. Dato' Azhar Ahmad, manakala MARIC diwakili oleh Presiden, Datuk Dr. Mohd Yusoff Sulaiman.

Kerjasama ini merupakan langkah penting ke arah memperkasa pemain industri rel tempatan selaras dengan aspirasi negara untuk membangunkan industri rel yang berdaya saing, mampan dan berorientasikan teknologi tinggi. Ditubuhkan pada tahun 2017, MARIC berperanan menyokong pembangunan sektor kejuruteraan sistem rel negara. Keahlian MARIC kini merangkumi 70 syarikat tempatan yang terlibat dalam pelbagai bidang termasuk pembinaan, penyelenggaraan, baik pulih (MRO), dan projek kerjasama awam-swasta (PPP), melibatkan lebih 5,000 tenaga kerja tempatan. MARIC turut menjadi rakan strategik utama kerajaan dalam memajukan industri rel melalui pelbagai inisiatif seperti seminar, pameran dan misi perdagangan, dengan tumpuan kepada kluster sistem seperti Rolling Stock, Signalling, Telecommunication (SCADA),

UNTUK SIARAN SEGERA

Power Supply (PSDS), Trackwork, Depot Equipment dan Automatic Fare Collection (AFC).

Pemeteraian memorandum ini turut menjadi sebahagian daripada acara Ekspo Pengangkutan Asia (TXA) 2025 yang dihoskan oleh Kementerian Pengangkutan dari 11 hingga 13 November 2025 — satu platform penting yang menandakan komitmen Malaysia dalam menerajui inovasi, keterhubungan dan kelestarian dalam landskap pengangkutan serta logistik serantau.

Teras Utama Kerjasama

Melalui MoU ini, RAC dan MARIC akan bekerjasama dalam beberapa bidang utama termasuk:

- **Pembangunan Sistem Rel dan Modal Insan** – Kedua-dua pihak akan meneroka peluang kerjasama dalam pembangunan sistem rel negara serta melaksanakan latihan bagi memperkukuh kepakaran tempatan dalam bidang teknikal, operasi dan pengurusan aset rel.
- **Penyelidikan & Pembangunan (R&D)** – RAC dan MARIC akan bekerjasama dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan teknologi rel baharu untuk meningkatkan daya saing industri tempatan dan mengurangkan kebergantungan terhadap kepakaran luar negara.
- **Kolaborasi Strategik Masa Hadapan** – MoU ini turut membuka ruang kepada pelaksanaan perjanjian perkhidmatan atau projek-projek tertentu pada masa hadapan tertakluk kepada persetujuan bersama antara kedua-dua pihak.

Manfaat Kepada Industri & Negara

Kerjasama ini dijangka memberi kesan positif kepada pembangunan industri rel Malaysia melalui:

- Pengukuhan keupayaan dan kompetensi pemain industri tempatan.
- Sokongan terhadap matlamat kerajaan untuk membina rangkaian bekalan industri rel nasional yang mampan dan bersepadu.

UNTUK SIARAN SEGERA

- Pewujudan peluang pekerjaan serta pemindahan teknologi kepada tenaga kerja tempatan.

Melalui MoU ini, RAC dan MARIC akan memperkukuh kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk pembangunan modal insan berkemahiran tinggi, perkongsian pengetahuan teknikal, serta penyertaan dalam projek pembangunan sistem rel baharu.

Langkah ini juga akan menjadi pemangkin kepada peningkatan penyertaan syarikat tempatan dalam rangkaian nilai industri rel, sekaligus menyokong aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab serantau bagi teknologi dan perkhidmatan rel.

PERBADANAN ASET KERETAPI

11 NOVEMBER 2025

- TAMAT -

Tentang RAC:

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan. Maklumat lanjut layari www.rac.gov.my

Pertanyaan Media:

Ketua Unit Hal Ehwal Korporat: Puan Ane Salfarizan binti Mispani

E-mel: salfarizan@rac.gov.my

No Tel: 603 - 8939 0200 / 012 – 659 4256

No Faks: 603 - 8939 0222

Pegawai Komunikasi Korporat: Puan Amira Farahin binti Abdul Shukor

E-mel: amira.shukor@rac.gov.my

No Tel: 603 - 8939 0200 / 010 – 400 6707

UNTUK SIARAN SEGERA

No Faks: 603 - 8939 0222